

# Bank Rakyat B dan Ex-Team Ungguli Volleyton UMSKAL 2016

UB 10.5.2016 A14

LABUAN: Pasukan Bank Rakyat B dan Ex-Team masing-masing mengungguli kategori Lelaki dan Wanita di Kejohanan Cabaran Volleyton anjuran Kelab Bola Tampar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dengan kerjasama Bank Rakyat di Gelanggang Bola Tampar, Dewan Arena, Kampung Bukit Kuda pada 7-8 Mei lalu.

Di perlawanan akhir yang menarik dan mendebarkan itu, Bank Rakyat B menewaskan GGKS A, 25-18, 26-24, 25-23 dan 25-21.

Dengan kejayaan itu, pasukan Bank Rakyat B membawa pulang hadiah wang tunai RM500 manakala GGKS RM300.

Manakala tempat ketiga diraih pasukan Chailok A selepas mengalahkan Bank Rakyat



**SUHAIMI** (empat kiri) menyampaikan hadiah johan kepada pasukan Bank Rakyat B sambil diperhatikan Gabriel (dua kanan) dan Syafiq (kiri).

A, 31-16 untuk memenangi RM200.

Sementara bagi kategori Wanita, Ex-Team dari Kota Kinabalu mengalahkan Bank Rakyat 25-23, 25-19 dan 25-16. Pasukan Mix Team juga dari Kota Kinabalu yang

menewaskan Ringgis dari Papar 31-14 menduduki tempat ketiga.

Ketiga-tiga pemenang juga menerima RM500, RM300 dan RM200.

Sebanyak 18 pasukan menyertai kategori Lelaki



**JUARA** kategori Wanita dimenangi pasukan Ex Team dari Kota Kinabalu.

Tertutup manakala 13 pasukan termasuk dari Kota Kinabalu dan Papar menyertai kategori Wanita Terbuka.

Hadih kepada pemenang disampaikan oleh Pengurus Bank Rakyat Cawangan Labuan Suhaimi Jainulah dan Pegawai Belia dan Sukan Kanan UMSKAL Gabriel Moinjil.

Turut hadir, Pengarah Program Muhammad Syafiq Mohamad Sabri.

Gabriel yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan terima kasih kepada Bank Rakyat yang sediumentadi pengajur bersama kejohanan dua hari itu.

Beliau yakin kerjasama dan komitmen Bank Rakyat akan dapat diteruskan menerusi pelbagai program lain yang membabitkan pelajar dan kakitangan UMSKAL.

“Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan

terima kasih kepada semua AJK Pelaksana yang berjaya menganjurkan Kejohanan Volleyton UMSKAL – Bank Rakyat yang mendapat sambutan menggalakan daripada peminat sukan itu,” katanya.

Sementara itu, Suhaimi berkata Bank Rakyat sedia bekerjasama dengan UMSKAL untuk menganjurkan pelbagai program yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi serta masyarakat setempat.

“Bank Rakyat sentiasa menggalakkan pengajuran pelbagai program termasuk acara sukan yang mampu menyihatkan tubuh badan

dan mengeratkan hubungan persahabatan antara komuniti di Labuan dan Sabah,” katanya.

Syafiq berkata Kejohanan Volleyton dianjurkan sempena sambutan Pesta Kaamatan dan Pesta Gawai peringkat UMSKAL 2016.

Beliau yakin menerusi acara sukan itu, hubungan baik yang terjalin antara UMSKAL dengan komuniti setempat khususnya pasukan bola tampar akan berkekalan.

“Kejohanan itu juga mampu memartabatkan sukan bola tampar sekaligus melahirkan lebih ramai pemain berbakat untuk mewakili Wilayah Persekutuan Labuan dan negara amnya,” katanya.



**PASUKAN** GGKS A menerima hadiah naib johan daripada Suhaimi.



**AJK** Pelaksana gembira Kejohanan Volleyton UMSKAL-Bank Rakyat berjalan lancar.